

KENYATAAN MEDIA

25 APRIL 2018

ST Nasihat Orang Ramai Utama Keselamatan Elektrik Ketika Berkempen

Putrajaya, 25 April – Suruhanjaya Tenaga (ST) menasihati orang ramai agar utamakan keselamatan dan berhati-hati akan bahaya elektrik ketika berkempen untuk parti politik masing-masing menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang akan diadakan tidak lama lagi.

Ini lebih-lebih lagi apabila sudah terdapat kes kemalangan renjatan elektrik yang berlaku kepada empat orang awam ketika sedang memasang tiang bendera parti di Muar, Johor.

ST ingin mengingatkan pihak-pihak yang terlibat dalam kerja-kerja pemasangan bahan kempen pilihanraya tentang bahaya menjalankan aktiviti berhampiran pemasangan elektrik. Aktiviti berhampiran pemasangan elektrik boleh menyebabkan renjatan elektrik atau percikan arka dan menyalahi peruntukan Seksyen 37(12), Akta Bekalan Elektrik 1990. Jika sabit kesalahan, denda tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan.

Bagi mengelakkan risiko kemalangan elektrik ST menasihatkan supaya aktiviti berbahaya seperti berikut **TIDAK** dilakukan oleh pihak-pihak yang terlibat semasa kempen pilihanraya dijalankan:

1. Menggantung bahan kempen di tiang-tiang elektrik.
2. Menampal poster pada pencawang elektrik, peti membekal, tiang elektrik dan lain-lain.
3. Mendirikan tiang atau objek tinggi berdekatan atau di bawah talian elektrik.
4. Memanjat menara atau tiang elektrik.

5. Membawa objek tinggi seperti galah atau kayu panjang berhampiran atau melintasi talian elektrik.
6. Memasang bendera atau sepanduk besar serta panjang berhampiran talian elektrik yang dikhuatiri terputus atau tersentuh talian elektrik semasa angin kuat atau ribut.
7. Menggunakan *crane* dan *skylift* berhampiran pemasangan elektrik.
8. Memasang khemah atau membuka pusat gerakan di bawah talian elektrik.
9. Menceroboh dan memasuki kawasan pencawang elektrik.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi ST di talian 03-8870 8678/03-8870 8610.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali/Syarizman Mansor

Unit Promosi & Komunikasi

Tel: +603-8870 8500/8554/8598/8537/+6013 2183778 (Zairulliati)/+6019 3134543 (Syarizman)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my/ zairulliati@st.gov.my/ ritz@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.